



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG LAKAI, JELEBU, NEGERI SEMBILAN

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti  
Dibenarkan | Seperti ketetapan  
dalam penerangan ringkasPergerakan  
Penduduk | Dibenarkan dengan  
bersyarat

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan
Tempoh Berkuat Kuasa	14 Jun 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 27 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA &amp; PBT.</li> <li>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD <b>ditutup</b>.</li> <li>• Pergerakan keluar masuk pegawai bertugas ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan <i>case to case basis</i>.</li> <li>• Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk dalam tempoh PKPD berkuatkuasa.</li> <li>• Semua penduduk di kawasan terlibat <b>tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing</b>.</li> <li>• Semua surau, masjid, rumah ibadat lain dan sekolah di dalam kawasan PKPD <b>ditutup</b> sepanjang tempoh ini.</li> <li>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi. Pengecualian hanya diberikan kepada <b>seorang (1) wakil</b> dari setiap rumah yang mengusahakan pertanian tanaman dan ternakan bagi tujuan penjagaan tanaman dan ternakan mereka dalam kawasan PKPD dengan syarat individu tersebut telah selesai disaring dan mendapat kebenaran PDRM.</li> </ul>



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG LAKAI, JELEBU, NEGERI SEMBILAN

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti  
Dibenarkan | Seperti ketetapan  
dalam penerangan ringkasPergerakan  
Penduduk | Dibenarkan dengan  
bersyarat

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi kuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.</li> <li>• Penduduk <b>tidak dibenarkan</b> untuk keluar/masuk ke/dari kawasan PKPD.</li> <li>• Bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan perubatan, sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu kemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. Wakil keluarga boleh menghubungi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Jelebu atau Bilik Operasi PKPD Kg. Lakai.</li> <li>• Sebarang sumbangan/bantuan oleh NGO atau mana-mana pihak sepanjang tempoh PKPD hendaklah melalui PKOB PKPD Kg. Lakai.</li> <li>• Pemberian dan agihan bantuan bekalan bakul makanan akan diselaraskan secara bersama oleh PKOB PKPD Kg. Lakai.</li> <li>• Sebarang keperluan tambahan yang penting oleh penduduk di kawasan terlibat hendaklah dimaklumkan dan diselaraskan melalui PKOB PKPD Kg. Lakai.</li> <li>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah <b>tidak dibenarkan</b>.</li> </ul>